



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (54)

Tarikh : 18 Ogos 2021

SIARAN MEDIA

PERSIDANGAN ARKITEK LANDSKAP SEDUNIA INTERNATIONAL FEDERATION OF LANDSCAPE ARCHITECTS (IFLA 2020)

GEORGE TOWN, 18 Ogos 2021 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) bersama Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM) dan *International Federation of Landscape Architects (IFLA)* telah menganjurkan Persidangan Arkitek Landskap Sedunia “*International Federation Of Landscape Architects (IFLA 2020)*” bermula 18 hingga 22 Ogos 2021.

Persidangan yang diadakan secara *live streaming, online* dan *on demand videos* dari George Town, Pulau Pinang ini dirasmikan oleh YAB Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri *Caretaker* pada hari ini. Persidangan ini turut dihadiri secara maya oleh YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang serta Perwakilan/Ketua Negara Anggota.

IFLA 2020 yang julung kalinya diadakan secara dalam talian ini, merupakan persidangan Arkitek Landskap dari seluruh dunia. Ia merupakan platform untuk berkongsi idea dan inspirasi bagi memastikan profesion seni bina landskap ini mampu menghadapi cabaran masa kini dan era pembangunan yang rancak bagi tempoh 10 tahun akan datang.

Persidangan antarabangsa ini menghimpunkan seramai 1000 peserta dari dalam dan luar negara terdiri daripada kumpulan profesional dalam profesion arkitek landskap dan penggiat dalam bidang industri landskap yang memainkan peranan utama dalam merumus dan membuat penyelesaian kemampunan pembangunan berasaskan seni bina landskap.

Bertemakan ‘*Future Tense*’, IFLA 2020 memfokuskan pendekatan terbaik untuk generasi masa depan melalui elemen seni bina landskap selain menyediakan penyelesaian kepada isu semasa berkaitan pembangunan alam sekitar bagi mencapai keseimbangan demi kehidupan dan kesejahteraan manusia. Tema ini diperkukuhkan dengan empat sub-tema iaitu *Finite Resources, Transient Living, Homogenous Culture and Diverse Population* dan *Natural Disaster - Expert The Unexpected* yang akan

membincangkan dan menghuraikan isu-isu penting, senario, cabaran dan amalan terbaik dalam mengadaptasikan seni bina landskap pada masa kini dan masa hadapan. Pembentang kertas kerja terdiri daripada para profesional dalam profesion arkitek landskap merangkumi pembuat dasar, ahli akademik dan penggiat industri landskap dari dalam dan luar negara.

Pengisian utama persidangan ini mencakupi tujuh acara utama atau *key events* berikut;

- i. *International Student Design Competition;*
- ii. *International Student Charrette;*
- iii. *IFLA World Exco and Council Meeting;*
- iv. *'Kopitiam' Open Studio – Lawatan pameran video dalam talian; Perkhidmatan Syarikat Perunding Arkitek Landskap Malaysia;*
- v. *IFLA 2020 World Architect Summit;*
- vi. *IFLA 2020 Satellite Hub Sessions;* dan
- vii. *IFLA 2020 Technical Visits.*

Penganjuran Persidangan IFLA 2020 ini menjadi platform kepada arkitek landskap dan pemain industri landskap dari seluruh dunia untuk bersemuka (secara maya) dan bertukar fikiran. Ia menyatukan kepelbagaian dalam industri landskap untuk memberikan solusi yang terkini berkaitan dengan alam seni bina dan pembangunan landskap yang boleh menyumbang kepada pembangunan lestari. Di samping itu, IFLA 2020 memberi peluang dan kesempatan untuk mengembangkan jaringan pengetahuan dan penyelidikan kepada golongan akademik, badan kerajaan dan profesional dari seluruh dunia mengembangkan industri landskap dan memberikan kesedaran kepada orang awam melalui aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan.

Penganjuran Persidangan Arkitek Landskap Sedunia IFLA 2020 ini juga membuktikan komitmen berterusan Kerajaan dalam pembangunan landskap di Malaysia menerusi penyertaan persidangan antarabangsa. Selain itu, ianya penting bagi memastikan profesion arkitek landskap di Malaysia lebih berwibawa dan terus berkembang ke peringkat antarabangsa.

-TAMAT-

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*